

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN NO. 140

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengkaji kesesuaian untuk mengadakan satu akta yang sama dengan Akta Pengurusan Strata 2013 bagi semua projek-projek perumahan yang bukan berstatus “strata title” memandangkan kes-kes pecah masuk rumah telah terbukti lebih rendah berbanding dengan kawasan yang tidak berpagar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kawasan perumahan *“landed strata”* dan strata bertingkat, kaedah pengurusan kawasan perumahan tersebut adalah tertakluk di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015 serta Peraturan Penyenggaraan Pengurusan Strata 2015.

2. Oleh yang demikian, bagi kawasan perumahan yang tidak tertakluk di bawah Akta 757 ini, persatuan penduduk yang ingin mewujudkan *“Gated and Guarded”* di kawasan perumahan mereka

adalah tertakluk kepada Garis Panduan Perancangan “*Gated Community (GC) and Guarded Neighbourhood (GN)*” di bawah Plan Malaysia, Kementerian Wilayah Persekutuan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setiap Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menetapkan syarat yang berbeza-beza kepada persatuan penduduk untuk mewujudkan kawasan berpagar dan berpengawal di kawasan perumahan mereka.
4. Cadangan menubuhkan GN perlu dimaklumkan kepada PBT yang berkenaan melalui Persatuan Penduduk (RA) yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) dan kelulusan hanya akan dipertimbangkan jika pemohon tersebut mendapat persetujuan majoriti penduduk (ketua isi rumah), tertakluk kepada tiada sebarang paksaan dan tekanan kepada penduduk yang tidak bersetuju.
5. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan akta yang berasingan dan perkara ini harus dikaji dengan lebih terperinci serta mendapatkan pandangan *stakeholders* lain yang terlibat secara langsung dalam isu ini supaya tiada pertindihan dengan akta atau perundangan lain yang sedia ada.
6. KP KT juga akan mengkaji secara mendalam perkara ini dengan semua agensi dan badan-badan yang berkepentingan untuk melihat keperluan bagi mewujudkan akta ini.

Sekian, terima kasih.